




# KTS tawar perkhidmatan jururawat ke rumah pesakit



Alias menampal pelekat pada sebuah kereta yang digunakan dalam perkhidmatan Homecare Services di pekarangan Hospital Pakar Kuala Terengganu (KTSH) di Kuala Terengganu hari ini. - UTUSAN/Puqtra Hairry Rosli

Oleh NORADILA MAHAMAD 14 Disember 2020, 9:20 pm

KUALA TERENGGANU: Hospital Pakar Kuala Terengganu (KTSH) muncul hospital swasta pertama di Terengganu yang menawarkan perkhidmatan penjagaan ke rumah pesakit.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr. Alias Razak berkata, menerusi perkhidmatan KTSH Homecare Services itu, pesakit berpeluang menikmati pakej penjagaan sama ada harian, mingguan atau bulanan yang ditawarkan.

Katanya, lebih 10 jururawat dan dua kenderaan KTSH digunakan bagi melancarkan program berkenaan.

"Rawatan yang bermula serendah RM60 itu merangkumi konsultasi pakar, fisioterapi, farmasi, dietetik dan nutrisi di samping perkhidmatan ambulans melibatkan kawasan Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Marang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan KTSH Homecare Services di lobi hospital itu hari ini.

Setakat November lalu, kira-kira 700 pelanggan menikmati manfaat Homecare Services itu sejak perkhidmatan tersebut diperkenalkan pada hujung 2019.

Perkhidmatan itu bukan sahaja mendapat sambutan dalam kalangan pelanggan KTSH, bahkan anak Terengganu yang berada di perantauan turut meminta pihak hospital memantau atau merawat ibu bapa mereka di kampung kerana kekangan untuk pulang sepanjang tempoh pandemik ini.

Di samping itu, KTSH turut bercadang untuk memperluaskan radius




POPULAR


Bicara kes bekas Exco Perak atas tuduhan rogol didengar di Mahkamah Tinggi
15 Disember 2020, 1:49 pm


Beri peluang ahli farmasi terlibat program vaksinasi Covid-19
15 Disember 2020, 1:48 pm


Lima lagi exco Perak angkat sumpah petang ini
15 Disember 2020, 1:32 pm


Hasil harumanis dijangka merosot tahun depan
15 Disember 2020, 1:21 pm






kawasan perkhidmatan dan menambah kakitangan bagi menjayakan perkhidmatan itu dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan pelanggan. -UTUSAN ONLINE

## BERITA BERKAITAN



**Bicara kes bekas Exco Perak atas tuduhan rogol didengar di Mahkamah Tinggi**

15 Disember 2020, 1:49 pm



**Beri peluang ahli farmasi terlibat program vaksinasi Covid-19**

15 Disember 2020, 1:48 pm



**Lima lagi exco Perak angkat sumpah petang ini**

15 Disember 2020, 1:32 pm



**Hasil harumanis dijangka merosot tahun depan**

15 Disember 2020, 1:21 pm






Utusan Malaysia

TERKINI
NASIONAL
EKONOMI
LUAR NEGARA

GAYA
SUKAN
RENCANA
PREMIUM

LANGGANAN
LANGGAN
LOG MASUK

Hak cipta terpelihara © 2020 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat    Hubungi Kami